



Ruj. Kami : KPM.600-5/9/8 (28)

Tarikh : 13 Januari 2020

KEPADA YANG BERKENAAN,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr/ Tuan,

JEMPUTAN MENYERTAI LIGA FUTSAL INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (LFIPT) 2020 BAGI PUSINGAN KELAYAKAN DAN KARNIVAL WANITA

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) akan meneruskan penganjuran Liga Futsal Institusi Pendidikan Tinggi (LFIPT) 2020. Bagi maksud tersebut, pusingan kelayakan dan karnival wanita akan diadakan seperti butiran berikut :

Pusingan Kelayakan

Tarikh : 13 hingga 16 Februari 2020
Tempat : Universiti Sains Malaysia (USM)
Yuran : RM 200.00/ pasukan

Karnival Wanita

Tarikh : 15 hingga 18 April 2020
Tempat : Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Yuran : RM 200.00/ pasukan


3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr/ Tuan adalah dijemput untuk menghantar pasukan bagi menyertai kejohanan tersebut. **Pengesahan penyertaan pusingan kelayakan adalah pada 28 Januari 2020 (Selasa) dan karnival wanita pada 24 Mac 2020 (Selasa) bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang melalui pendaftaran *on-line* di laman sesawang www.arenaipt.com.my.**

4. Sebarang maklumat lanjut juga boleh didapati dalam laman sesawang tersebut atau hubungi pihak sekretariat ditalian 011-11788789 (En. Mohd Kamal Yahya) atau 019-6004249 (Pn. Nurulazamima Mohd Yusof) atau emel ke sekretariatKFIPT@gmail.com. Kerjasama dan perhatian berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian sahaja dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR PEKAN RAMLI)
Ketua Unit Sukan
Cawangan Operasi Strategik
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia